

Fenomena panas terik kesan El Nino berakhir bulan depan

Oleh Jami'ah Shukri
amia@bharian.com.my

ORANG ramai semakin resah dengan cuaca panas melampau dan suhu tinggi. Panahan terik matahari dikhuatiri boleh menjejaskan aktiviti seharian, terutama membabitkan pertanian dan ternakan serta kemungkinan mengundang kebakaran hutan dan sebagainya.

Negara pernah mencatat suhu tertinggi 41.1 darjah Celsius di Chuping, Perlis pada 1998, sehingga menyebabkan kemarau panjang di sebahagian kawasan di negara ini. Namun, sejarah catatan suhu tertinggi itu masih kekal. Catatan cuaca kini yang paling tinggi ialah antara 34 hingga 36 darjah Celsius dan masih dianggap fenomena biasa setiap Februari hingga Mac, setiap tahun.

Cuaca Malaysia kini berada pada penghujung Monsun Timur Laut, iaitu keadaan cuaca yang lebih kering terutama di Utara Semenanjung dan dijangka berterusan sehingga pertengahan Mac ini.

Walaupun Jabatan Meteorologi menyifatkannya fenomena biasa, ia tidak seharusnya dipandang remeh, sebaliknya semua pihak khususnya masyarakat mengambil langkah tertentu termasuk mengu-

rangkan aktiviti luar bagi menjaga kesihatan serta dilarang melakukan pembakaran terbuka.

Pada cuaca suhu tinggi dan kering, kebakaran sama ada di kawasan hutan, kawasan lapang atau sebagainya mudah berlaku jika tiada kawalan dan menyebabkan masalah lain. Menurut Indeks Cuaca Kebakaran Malaysia - Semenanjung, Sabah dan utara Sarawak terdedah kepada kebakaran hutan disebabkan cuaca panas dan kering ini.

Petanda buruk terhadap suhu cuaca panas seperti kemarau panjang pada ketika ini belum dapat dilihat dengan jelas. Cuma baru-baru ini, berlaku kejadian 28 gerabak kereta api barang terbalik di kilometer 58.75 berhampiran Kampung Guar Stesen Dalam, Guar Chempedak, dekat Yan, Kedah dipercayai berpunca daripada cuaca panas melampau menyebabkan rel di kawasan itu mengembang serta bengkok, sekali gus mendorong gerabak kereta api itu tergelincir.

Timbalan Ketua Pengarah (Ramanan), Jabatan Meteorologi Malaysia, Che Gayah Ismail menjelaskan cuaca panas itu hanya sementara iaitu sehingga akhir Mac dan berlaku fasa peralihan Monsun Timur Laut mulai April dengan membawa hujan lebih berbanding



Dr Fredolin Tangang

dua bulan sebelumnya.

Katanya, ketika ini, keadaan panas yang agak terik biasanya boleh berlaku apabila tiada hujan berlaku untuk tempoh tertentu dan apabila matahari secara relatifnya berada agak hampir dengan khatulistiwa iaitu sekitar Februari-Mac dan Ogos-September.

"Fenomena ini dikenali sebagai 'March Equinox' jika berlaku pada Mac dan 'September Equinox' pada September. Pada masa sama, fenomena El Nino yang sederhana kepada lemah sedang berlaku dan fe-

nomena ini dijangka berakhir menjelang Mac. Fenomena ini boleh menyumbang terhadap kejadian cuaca panas yang berlaku di Malaysia," katanya.

Beliau berkata, pada 21 Mac kedudukan matahari berada tegak di atas garisan Khatulistiwa dan pada masa itu tempoh hari siang dan malam di Hemisfera Selatan dan Utara adalah hampir sama. Fenomena ini berlaku dua kali setahun iaitu pada 20 atau 21 Mac dan 22 atau 23 September setiap tahun apabila matahari bergerak dari Hemisfera Selatan ke Hemisfera Utara dan sebaliknya.

Che Gayah berkata, secara relatifnya, Februari dan Mac adalah bulan yang agak kering berbanding bulan lain bagi Sabah, Utara Sarawak dan Pantai Timur Semenanjung. Bagaimanapun, dalam tempoh itu hujan masih berlaku di kawasan berkenaan.

Kejadian cuaca panas dan kering yang berterusan boleh menyebabkan kebakaran hutan seperti yang sering terjadi ketika Monsun Barat Daya pada Jun hingga September setiap tahun. Pada masa itu, jumlah taburan hujan secara relatifnya juga akan berkurangan.

Sementara itu, Ketua Pusat Penyelidikan Sistem Perubahan Iklim

Tropika, Prof Dr Fredolin Tangang ketika mengulas fenomena itu, menjelaskan secara purata suhu tahunan dicatatkan tinggi pada Februari dan Mac dan pada masa sama penurunan kadar hujan sepanjang tempoh dua bulan itu adalah pada tahap paling minimum.

Katanya, keadaan cuaca panas dan kering dialami sekarang ini juga adalah kesan dialami akibat fenomena El Nino yang kini sedang mengalami kemuncak dan dijangka berakhir Mac atau April.

"Fenomena El Nino, kali ini boleh dikatakan lemah dan tidak begitu teruk berbanding dengan El Nino, pada 1997 dan 1998 yang menyebabkan kemarau berpanjangan dan jerebu teruk dan kemusnahan sehingga menyebabkan kerugian berbilion ringgit di rantau ini," katanya.

Beliau berkata, bagi El Nino kali ini, tidak saja dialami di Malaysia, sebaliknya kesan sama turut dirasai di negara jiran terutama Indonesia.

"Beberapa kajian yang saya lakukan mendapati peningkatan suhu ketika fenomena ini adalah sesuatu yang dijangkakan seperti suhu permukaan laut di bahagian tengah dan Timur Lautan Pasifik meningkat. Data terkini dari Agensi Lautan dan Atmosfera Amerika (NOAA) menunjukkan ia sedang berlaku," katanya.